

05 SEP 2003

Shahrizat-Anjal

KEMENTERIAN HANTAR MEMORANDUM WAKTU KERJA ANJAL BAGI WANITA

PETALING JAYA, 5 Sept (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga akan mengemukakan memorandum kepada Kabinet secepat mungkin mengenai waktu kerja anjal bagi membolehkan wanita bekerja dari rumah masing-masing, kata Menteri Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil hari ini.

Beliau berkata Kementerian akan memperjuangkan isu berkenaan dan ia akan dipanjangkan kepada jemaah Menteri menerusi memorandum berkenaan.

Memorandum itu mengandungi syor bagi membolehkan wanita bekerja di rumah, yang diambil daripada resolusi yang telah dikemukakan oleh persatuan-persatuan wanita kepada Kementerian berkenaan, katanya kepada pemberita sebelum majlis Bicara Minda anjuran Kementerian itu dengan kerjasama Persatuan Siswazah Wanita Malaysia di sini.

Beliau diminta mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan akan meminda Akta Pekerjaan 1955 (Employment Act 1955) bagi memasukkan peraturan kerja baru yang lebih anjal bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor guna tenaga.

Dr Mahathir berkata pindaan itu termasuk memasukkan peraturan tele kerja, kerja separuh masa dan perkongsian kerja bagi membolehkan wanita menggabungkan kerjaya dan tanggungjawab rumah tangga.

Kenyataan itu dibuat oleh Perdana Menteri dalam jawapan bertulis kepada Chew Mei Fun (BN-Petaling Jaya) pada sidang Dewan Rakyat semalam.

Shahrizat berkata Kementerian yang menyambut baik perkara itu akan mengenal pasti sektor pekerjaan yang sesuai untuk wanita menceburinya dan jumlah pekerja yang boleh diambil.

Kini terdapat halangan, misalnya sesuatu perniagaan yang hendak dijalankan tidak boleh didaftar atas alamat kediaman, katanya.

Beliau berkata satu kajian yang telah dibuat terhadap kira-kira 2,000 wanita, majoriti daripada mereka memilih untuk bekerja di rumah di samping dapat menjaga anak masing-masing.

Bicara Minda diadakan dari masa ke masa sejak dua tahun lepas bagi membolehkan Kementerian mendapat maklum balas tentang permasalahan pekerjaan golongan profesional wanita.

Majlis kali kelima hari ini diadakan dengan kumpulan profesional wanita dalam bidang perubatan.

-- BERNAMA

HM JM PR